

27 JAN 1999

Ladang-Gaji

DR MAHATHIR DIMINTA CAMPUR TANGAN SOAL GAJI PEKERJA LADANG

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diminta campur tangan bagi menyelesaikan isu tuntutan gaji bulanan untuk pekerja ladang di negara ini.

Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang yang mendakwa mewakili sebahagian besar pekerja ladang di Semenanjung ketika membuat gesaan itu turut merayu kepada Perdana Menteri supaya menggubal undang-undang baru bagi membolehkan pekerja ladang mendapat gaji bulanan.

Jurucakap jawatankuasa itu, S. Arutchelvan memberitahu persidangan berita di sini bahawa jawatankuasa itu berharap dapat mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir bagi membincangkan perkara itu.

"Kami sudah hilang kepercayaan dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) dan Kementerian Sumber Manusia berhubung tuntutan gaji bulanan ini dan mahu Dr Mahathir campur tangan," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa itu mewakili para pekerja dari 200 ladang di semua negeri di Semenanjung, kecuali di Terengganu.

Arutchelvan berkata, sebilangan besar pekerja ladang di negara ini amat kecewa dengan perjanjian kolektif yang dipersetujui antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan NUPW baru-baru ini yang hanya memberi kenaikan RM1.10 sehari atau sama dengan harga sebiji kelapa.

Sambil menyifatkan perjanjian gaji baru itu sebagai satu pengkhianatan, beliau berkata, sungguhpun kenaikan itu menjadikan gaji harian pekerja berjumlah RM11.50, gaji harian sebenar mereka hanyanya RM3.30 setelah diambilkira indeks harga pengguna semasa.

Perjanjian kolektif yang baru itu juga tidak menunaikan tuntutan pekerja ladang untuk mendapat gaji bulanan dengan skim gaji yang adil dan saksama.

"Pihak-pihak yang membuat perjanjian sering menggunakan angka-angka peratus seperti peningkatan gaji 14 peratus dan 18 peratus untuk mengelirukan orang ramai.

"Apabila pekerja membandingkan kenaikan gaji harinya sebanyak RM1.10 dengan harga kelapa dan ayam, maka mereka sedar bahawa gaji yang di perersetujui bersama merupakan satu pengkhianatan besar," katanya.

-- BERNAMA

AFY AKD